



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### ISU PENYEBARAN MAKLUMAT DI LAMAN SOSIAL MENGENAI HUMAN IMMUNODEFICIENCY VIRUS DI DALAM BUAH-BUAHAN DALAM TIN DARIPADA THAILAND

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum berita yang tersebar di laman sosial berkaitan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) virus dalam buah-buahan dalam tin daripada Thailand.

HIV adalah virus yang hidup dalam cecair badan dan tidak boleh hidup dalam makanan dalam tin yang telah melalui proses rawatan haba pada suhu tinggi.

KKM juga telah mendapat pengesahan dari pihak kedutaan Thailand di Malaysia bahawa berita tersebut adalah tidak berasas. Walau bagaimanapun, KKM sentiasa mengawal semua produk makanan import untuk memastikan makanan adalah selamat.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq).

**Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah**  
**Ketua Pengarah Kesihatan**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
**6 Januari 2017**